



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2017/2018

Mei/Jun 2018

JTW 103 – Undang-undang Perniagaan

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA (3)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **SEMUA** soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 25 markah.

SOALAN 1 (25 markah)

Undang-undang boleh diklasifikasikan kepada dua iaitu undang-undang awam dan undang-undang sivil (persendirian). Apakah perbezaan antara kedua-duanya? Senaraikan dan terangkan dengan ringkas **TIGA (3)** jenis undang-undang awam dan **TUJUH (7)** jenis undang-undang sivil.

SOALAN 2 (25 markah)

Encik Manaf telah membawa anak perempuannya Amira yang berumur 16 tahun ke pusat membeli belah. Tanpa pengetahuan Encik Manaf, Amira telah mengambil sepasang pakaian berjenama YSL yang berharga RM999.90 dan membawanya ke kaunter untuk tujuan pembayaran. Setelah juruwang meminta jumlah wang untuk harga pakaian tersebut, barulah Amira menyedari bahawa beliau telah tersilap membaca tanda harga pakaian tersebut sebagai RM99.90 Pihak pengurusan pusat membeli belah telah berkeras mahukan Amira membuat pembayaran ke atas pakaian tersebut.

- (a) Nasihatkan Encik Manaf dan Amira berkaitan dengan kedudukan mereka dari sudut undang-undang kontrak dengan merujuk kepada seksyen dan kes yang berkaitan.

(15 markah)

- (b) Terangkan apakah kontrak yang boleh dimasuki oleh mereka yang berumur 16 tahun?

(10 markah)

SOALAN 3 (25 markah)

Pelaksanaan spesifik dan injunksi merupakan dua daripada kaedah remedi bagi kemungkiran kontrak. Huraikan maksud pelaksanaan spesifik dan injunksi dengan memberikan seksyen dan kes yang berkaitan.

SOALAN 4 (25 markah)

Encik Kadir telah mendapatkan khidmat Encik Shahrom seorang ejen hartanah untuk menjualkan banglonya dan berjanji akan memberikan komisen sebanyak 5 peratus daripada harga jualan. Beberapa hari kemudian Encik Shahrom telah memberitahu Encik Kadir mengenai satu tawaran dari seorang yang bernama Puan Murni untuk membeli banglo tersebut pada harga RM1 juta. Puan Murni ialah seorang janda kaya yang mempunyai hubungan sulit dengan Encik Shahrom. Encik Kadir tidak mengetahui tentang hubungan antara Encik Shahrom dan Puan Murni. Encik Kadir telah bersetuju dengan tawaran tersebut tertakluk kepada kontrak yang bakal ditandatangani. Kemudiannya seorang pembeli lain yang bernama Encik Nawawi telah menemui Encik Shahrom dan menyatakan keinginan beliau untuk membeli banglo tersebut pada harga RM1.2 juta.

Encik Shahrom tidak memberitahu Encik Kadir mengenai tawaran daripada Encik Nawawi tetapi sebaliknya memberitahu Puan Murni mengenai ada pihak lain yang ingin membeli banglo tersebut pada harga yang lebih tinggi. Puan Murni telah berjanji dengan Encik Shahrom jika beliau berjaya memperolehi banglo tersebut pada harga RM1 juta, beliau akan memberikan bayaran komisen kepada Encik Shahrom sebanyak RM50,000.00. Kontrak jual beli telah disempurnakan antara Encik Kadir dan Puan Murni pada harga sebanyak RM1 juta. Encik Shahrom telah mendapat komisen yang dijanjikan oleh Encik Kadir dan juga Puan Murni. Tidak beberapa lama kemudian Encik Kadir telah mendapat tahu tentang kewujudan tawaran yang lebih tinggi daripada Encik Nawawi serta komisen yang diterima oleh Encik Shahrom daripada Puan Murni. Beliau tidak berpuashati dengan apa yang telah dilakukan oleh Encik Shahrom.

Nasihatkan Encik Kadir mengenai hak beliau sebagai seorang prinsipal terhadap Encik Shahrom sebagai ejennya dengan berpandukan kepada seksyen dalam Akta Kontrak 1950 serta kes yang berkaitan.